

# **MANUAL PELAKSANAAN INSENTIF MENINGKATKAN PENGELUARAN BERAS NEGARA BAGI SUB-PROGRAM BAJA TAMBAHAN NPK**

## **1. TUJUAN**

Dokumen ini disediakan untuk memaklumkan mengenai kaedah pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara bagi sub-program baja tambahan NPK. Kaedah pelaksanaan ini meliputi dasar pemberian baja, perolehan dan pengedaran baja serta pemantauan operasi Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara.

Dokumen ini diterimapakai di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pengecualian diberikan kepada Negeri Sabah, Negeri Sarawak, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) iaitu dengan membenarkan sedikit perubahan dibuat mengikut keadaan setempat yang tidak melibatkan perubahan dasar daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA).

## **2. LATARBELAKANG**

2.1 Peningkatan beras di peringkat antarabangsa dan kekurangan bekalan telah menimbulkan cabaran dalam menjamin bekalan makanan negara yang mencukupi. MoA telah diberi tanggungjawab untuk menangani krisis ini dan menentukan bekalan makanan negara mencukupi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan pada 2 Mei 2008 telah meluluskan Program Dasar Jaminan Makanan Nasional (2008-2010) yang mengandungi langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi meningkatkan produktiviti sektor agro makanan termasuk peningkatan pengeluaran beras.

- 2.2 Susulan daripada masalah ini, tindakan 'Quick Win' bagi meningkatkan produktiviti padi dan pengeluaran beras di bawah Program Dasar Jaminan Makanan Nasional telah diperkenalkan melalui sub-program baja tambahan NPK.
- 2.3 Tumpuan utama pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara bagi sub-program baja tambahan NPK adalah di kawasan-kawasan penanaman padi dua musim setahun. Namun demikian skim ini juga tidak mengabaikan kawasan-kawasan penanaman padi satu musim.

### **3. TUJUAN INSENTIF MENINGKATKAN PENGELUARAN BERAS NEGARA**

Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara telah diperkenalkan untuk memastikan bekalan beras negara yang stabil dan mencukupi selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara. Selain dari itu Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras adalah bertujuan untuk :

- 3.1 Meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara;
- 3.2 Meningkatkan pengeluaran beras dengan memperkukuhkan khidmat sokongan dan pemberian subsidi serta pembayaran insentif;
- 3.3 Menambah pengeluaran dengan meningkatkan intensiti penanaman dan pembukaan kawasan baru bagi tempoh jangka panjang;
- 3.4 Memodenkan aktiviti tanaman padi dengan penggunaan baja berkualiti yang ekonomi, sistematik dan berkesan;
- 3.5 Meningkatkan pengeluaran padi dan dapat menambahkan pendapatan penanam padi; dan
- 3.6 Sebagai insentif kepada petani mengusahakan tanaman sawah bagi meningkat pengeluaran padi negara di samping mengurangkan pengimportan beras.

## 4.0 DASAR PEMBERIAN BAJA

- 4.1 Pemberian bantuan baja melalui Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK ini meliputi semua kawasan padi.
- 4.2 Insentif ini akan diberi kepada pesawah dalam bentuk bantuan baja NPK (17:3:20 + Mg<sub>o</sub> + Te) bernilai maksimum RM405 (Semenanjung) dan RM414.75 (Sabah & Sarawak) iaitu 150 kg per hektar.
- 4.3 Insentif ini diberi kepada pengusaha tanaman padi yang layak dan berdaftar dengan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP).
- 4.4 Insentif diberikan kepada pengusaha tanaman padi samada ianya diusahakan di atas tanah sendiri, sewa, pajak atau kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dan mengusahakan tanaman padi atau lain-lain kawasan yang diluluskan oleh pihak yang berkuasa.
- 4.5 Bekalan baja akan disalurkan kepada pengusaha tanaman padi melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) atau sub-stokis yang berdaftar.
- 4.6 Pengusaha tanaman padi yang layak diberikan bantuan baja hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :
  - i. Warganegara Malaysia;
  - ii. Berumur 18 tahun ke atas;
  - iii. Memiliki tanah bergeran atau surat pengesahan Pegawai Tanah atau 'Land Authority' yang dikeluarkan oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah sahaja;
  - iv. Pesawah/pengusaha yang menyewa tanah bergeran atau tanah yang mempunyai surat arahan pengukuran (termasuk tanah adat bagi Negeri Sabah dan Sarawak);


- v. Pesawah yang berdaftar dengan LPP, KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak;
- vi. Pengusaha sawah padi samada syarikat atau individu yang berdaftar;
- vii. Tiada had keluasan maksimum pemberian baja; dan
- iv. Lain-lain syarat yang akan diberitahu dari masa ke semasa.

## 5. PENGENDALIAN BAJA

Pengendalian Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras melibatkan peranan daripada pelbagai pihak. Selain daripada MoA sebagai pemegang dasar dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Jabatan Pertanian Sarawak sebagai pelaksana kepada skim ini, peranan yang besar dan amat penting dipikul oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)/Pembekal sebagai pembekal baja dan PPK sebagai stokis yang membuat pesanan dan mengedarkan baja kepada pesawah, tepat pada masa yang diperlukan. **Rajah 1** menunjukkan Carta Pengendalian Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK.

**RAJAH 1 : CARTA PENGENDALIAN INSENTIF PENGELUARAN BERAS  
(BAJA TAMBAHAN NPK)**

- \*Menetapkan Dasar
- \*Peruntukan
- \*Penempatan Peruntukan Kepada Agensi
- \*Pemantauan
- \*Tender Tawaran Kontrak & Perjanjian



## **5.1 Peranan dan Tanggungjawab Jabatan dan Agensi**

Peranan MoA, jabatan dan agensi lain adalah sebagai sokongan kepada pengendalian baja dan juga memainkan peranan penting bagi memantapkan lagi pengurusan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK.

### **5.1.1 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**

- Menetapkan dasar pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK;
- Menyedia anggaran belanjawan tahunan;
- Membuat tawaran untuk membekal baja serta mengikat kontrak dengan pembekal;
- Memastikan pembekal mematuhi terma-terma kontrak; dan
- Menyelaras semua aktiviti jabatan/agensi yang terlibat dalam pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK.

### **5.1.2 LPP/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak**

- Sebagai pendaftar Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK;
- Menyelia pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK;
- Memastikan terimaan bekalan baja dari pembekal dan pengedaran baja kepada pesawah dilaksanakan dengan sempurna;
- Memastikan baja disimpan di stor PPK dengan selamat dan teratur;
- Menyemak dan mengesah bil tuntutan perkhidmatan pengedaran baja;
- Mengemukakan laporan kepada MoA; dan
- Mengemukakan laporan analisis baja ke PPK-PPK.

### **5.1.3 NAFAS/Pembekal**

- Membuat pembekalan baja sebagaimana kontrak yang ditandatangani dengan kerajaan; dan
- Melantik PPK sebagai stokis bagi mengedarkan baja.

### **5.1.4 Pertubuhan Peladang Kawasan**

- Membuat pendaftaran pesawah;
- Menjadi stokis baja Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK;
- Membuat pesanan baja;
- Merekod dan menyelenggara pesanan; dan
- Mengedar baja kepada pesawah.

### **5.1.5 Jabatan Pertanian**

- Menganggotai Jawatankuasa Penapis peringkat PPK;
- Mengambil contoh dan menjalankan analisis kandungan baja bagi memastikan kualiti baja menepati spesifikasi (Laporan dikemukakan kepada MoA, NAFAS, LPP, KADA, MADA dan Pembekal);
- Membuat *crop cutting survey* ke atas hasil pengeluaran padi; dan
- Memberi perkhidmatan pengembangan pertanian kepada pesawah.

### **5.1.6 MARDI**


- Menjalankan penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan penanaman padi dan lain-lain penyelidikan.

## 5.2 Jawatankuasa-Jawatankuasa

### 5.2.1 Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras

Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MoA berkuatkuasa mulai 9 Mac 2007. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil MoA, MARDI, Jabatan Pertanian, LPP, KADA, MADA, Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pertanian Sabah. Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Struktur aliran kuasa adalah seperti di **Rajah 2**.

**RAJAH 2 : Struktur Aliran Kuasa**



### 5.2.2 Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JPP)

Bagi memantapkan penyeliaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras, Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JPP) dipengerusikan oleh Ketua Pengarah LPP. LPP telah dilantik oleh MoA berkuatkuasa mulai 1 Februari 1997. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil MoA, Jabatan Pertanian, KADA, MADA dan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Zon-Zon Utara,



Tengah, Timur, Sabah dan Sarawak. NAFAS/Pembekal turut hadir sama dalam mesyuarat jika perlu. Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun dan membincangkan perkara-perkara berikut :

- (i) Laporan Peruntukan Pembekalan dan Bayaran Perkhidmatan;
- (ii) Laporan Penghantaran Baja;
- (iii) Laporan Pesanan dan Penerimaan Baja;
- (iv) Laporan Pelupusan Baja;
- (v) Laporan Stok Baja;
- (vi) Laporan Kualiti Baja;
- (vii) Laporan Jawatankuasa Teknikal; dan
- (viii) Isu-isu semasa Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras.

### **5.2.3 Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JPP) Peringkat Zon**


Untuk memperkemas lagi pengurusan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras, lima lagi jawatankuasa ditubuhkan di peringkat zon yang merangkumi negeri-negeri seperti berikut :

- a. Zon Utara - Perlis, Kedah, Pulau Pinang, MADA dan IADA.
- b. Zon Tengah - Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan IADA.
- c. Zon Timur - Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, KADA dan IADA.
- d. Zon Sabah - Pengarah LPP Sabah
- e. Zon Sarawak - Pengarah Jabatan Pertanian Sarawak

Jawatankuasa zon dipengerusikan oleh Pengarah LPP Kedah, Perak, Kelantan, Sabah dan Sarawak mengikut zon masing-masing. Jawatankuasa dikehendaki mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan diadakan sebelum Mesyuarat JPP. Ahli-ahli Jawatankuasa adalah terdiri dari Pengarah LPP Negeri, Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan

Pertanian Sarawak, MADA, KADA, IADA dan pegawai-pegawai berkaitan dari MoA di bawah MoA di zon-zon berkenaan. **(Rajah 3)**

**RAJAH 3 : CARTA JPP MENGIKUT ZON**



#### 5.2.4 Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa Teknikal ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MARDI. Jawatankuasa ini membekalkan maklumat teknikal kepada Jawatankuasa JPP dalam isu-isu yang berkaitan dengan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras serta isu-isu lain yang berkaitan dengannya. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil MoA, Jabatan Pertanian, KADA, MADA dan LPP. NAFAS/Pembekal turut hadir sama dalam mesyuarat jika perlu. Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun.

### **5.3 Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa**

#### **5.3.1 Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras, MoA**

Jawatankuasa ini telah dibentuk bagi menilai dan memperakukan isu-isu pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dan teknikal. Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada kedua-dua JPP dan Jawatankuasa Teknikal. Sebarang keputusan berkaitan dasar perlu dibawa kepada Jawatankuasa Dasar di peringkat MoA. Fungsi dan tugas jawatankuasa merangkumi bidang kerja seperti berikut :

- (a) Menyediakan dan menyemak dasar-dasar berkaitan SBPKP, Insentif Pengeluaran Padi (IPP), Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dan bantuan-bantuan input pertanian yang lain daripada Kerajaan kepada industri padi dan beras;
- (b) Membincang, menilai dan memperakukan cadangan-cadangan yang memerlukan keputusan dasar daripada jawatankuasa-jawatankuasa lain yang bertanggungjawab kepada jawatankuasa ini;
- (c) Membincangkan, menilai dan memperakukan permohonan peruntukan tambahan bagi pelaksanaan SBPKP, Insentif Pengeluaran Padi, Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dan bantuan-bantuan input pertanian yang lain daripada Kerajaan kepada industri padi dan beras; dan
- (d) Mengemukakan cadangan-cadangan penambahbaikan dasar-dasar yang berkaitan SBPKP, Insentif Pengeluaran Padi, Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dan bantuan-bantuan input pertanian yang lain daripada Kerajaan kepada industri padi dan beras.

### **5.3.2 Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JPP)**

Bagi mencapai matlamat penubuhan, fungsi dan tugas jawatankuasa merangkumi bidang kerja seperti berikut:

- 5.3.2.1 Menyedia dan mencadangkan dasar-dasar, manual pelaksanaan dan garis panduan yang berkaitan dengan pemberian Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras;
- 5.3.2.2 Membenteng dasar-dasar yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Dasar dan mendapatkan perakuan dan kelulusan;
- 5.3.2.3 Menentukan dasar-dasar kerajaan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkaitan;
- 5.3.2.4 Memantau dan menyelaras pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi memastikan baja sampai kepada golongan sasaran;
- 5.3.2.5 Menyediakan anggaran peruntukan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras;
- 5.3.2.6 Menentukan pendaftaran dan semakan pendaftaran pesawah dan pemilik jentera dibuat oleh PPK;
- 5.3.2.7 Menentukan kualiti dan kuantiti baja memenuhi spesifikasi yang ditetapkan;
- 5.3.2.8 Menentukan pesanan pembekalan baja oleh pembekal dibuat tepat pada masanya;
- 5.3.2.9 Menentukan stok dan stor baja diurus dan diselenggara dengan baik;
- 5.3.2.10 Menentukan baja-baja yang telah rosak dilupus mengikut prosedur yang ditetapkan;
- 5.3.2.11 Menentukan tuntutan bayaran dibuat oleh PPK dan dibayar tepat pada masanya;

- 5.3.2.12 Menentukan tuntutan bayaran dibuat oleh pemilik jentera dan dibayar tepat pada masanya;
- 5.3.2.13 Menentukan PPK melaksanakan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras mengikut Manual Pelaksanaan yang telah diperakukan oleh MoA; dan
- 5.3.2.14 Membincang hal-hal lain yang berkaitan dengan isu bantuan kepada industri padi dan beras.

### **5.3.3 Jawatankuasa Teknikal**

Fungsi dan tugas jawatankuasa merangkumi bidang kerja seperti berikut :


- (a) Membuat penilaian teknikal ke atas baja-baja yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat pembekal baja untuk pertimbangan kerajaan sebagai baja baru atau baja alternatif terutamanya berkaitan dengan skim baja subsidi kerajaan;
- (b) Membekalkan khidmat teknikal dalam menentukan keperluan baja mengikut kawasan, kesahihan formulasi, keberkesanan penggunaannya dengan kaedah yang piawai dan lain-lain seperti yang diperlukan oleh Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras serta mencadangkan kajian-kajian lanjut yang perlu dijalankan dalam menangani isu-isu tersebut;
- (c) Mencadangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan akan varieti-varieti padi yang boleh diperakui sebagai varieti-varieti padi yang layak untuk mendapatkan subsidi baja dan harga;
- (d) Membekalkan maklumat-maklumat teknikal yang lain seperti yang diminta oleh MoA dan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dari semasa ke semasa;

- (e) Mencadangkan kepada Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras, MoA bagi pengishtiharan dan pengesyoran sesuatu varieti padi hibrid/inbred baru berdasarkan daripada rekomendasi Jawatankuasa Kecil Khas Penilaian Varieti Padi;
- (f) Menerima maklumbalas dari pengguna mengenai sesuatu varieti yang disyorkan; dan
- (g) Mencadangkan untuk menerus atau membatalkan pengesyoran sesuatu varieti yang telah diistihar dan disyor berdasarkan daripada rekomendasi terbaru dari Jawatankuasa Kecil Khas Penilaian Varieti Padi.

## **6. PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN SEBAGAI STOKIS**

PPK dilantik sebagai stokis oleh NAFAS/Pembekal sebagaimana menepati perjanjian pembekalan baja di bawah Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras (baja tambahan NPK) antara Kerajaan Malaysia dan NAFAS/Pembekal. Satu perjanjian antara NAFAS/Pembekal dan PPK ditandatangani mengikut tempoh kontrak di mana PPK dikehendaki menjalankan tugas dan tanggungjawab berikut seperti di **Rajah 3**.

### **RAJAH 3 : TUGAS DAN TANGUNGJAWAB STOKIS**



#### **6.1 Tugas-Tugas Pentadbiran**

- 6.1.1 Mendaftar dan mengemaskini bilangan pesawah dan keluasan sawah mengikut setiap musim penanaman;
- 6.1.2 Merekod dan menyediakan senarai pemohon; dan
- 6.1.3 Menyediakan data bilangan pesawah, keluasan sawah dan keperluan baja bagi PPK.

#### **6.2 Tugas-Tugas Pengedaran Baja**

- 6.2.1 Melantik penyelia stor/pegawai penyelia yang mana tugas utamanya ialah mengurus Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK seperti pesanan, penerimaan, penyimpanan, pengawalan keselamatan stor dan

- pengedaran baja;
- 6.2.2 Menyediakan stor untuk menyimpan baja Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK;
  - 6.2.3 Menyelia stor supaya berada dalam keadaan bersih, kemas dan sempurna sepanjang masa;
  - 6.2.4 Menyediakan insuran untuk melindungi stor dan baja yang disimpan;
  - 6.2.5 Melaporkan kepada LPP/KADA/MADA dan Jabatan Pertanian Semenanjung/Sarawak jika berlaku kelewatan pembekalan baja yang dipesan;
  - 6.2.6 Memastikan setiap penangguhan penghantaran baja yang telah dijadualkan, dikemukakan **SECARA BERTULIS** kepada NAFAS/Pembekal dengan menetapkan tarikh hantaran baru yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak (NAFAS/Pembekal dan stokis); dan
  - 6.2.7 Menyediakan rekod-rekod penerimaan dan pengedaran baja dengan teratur.

## **7. PENDAFTARAN PESAWAH**

Pendaftaran pesawah dilaksanakan di peringkat PPK dengan menggunakan **Borang Pendaftaran SBPKP/IPKP/IIP (Lampiran 1)** dan hendaklah diedarkan di semua pusat-pusat pendaftaran dan pusat pendaftaran kecil dalam tempoh masa dan tarikh yang telah ditetapkan.

### **7.1 Surat Hebahan**

Surat hebahan (**Lampiran 2**) mengenai aktiviti pendaftaran pesawah hendaklah dikeluarkan kepada Ketua-Ketua Unit Peladang PPK, Penghulu dan Imam Masjid untuk memaklumkan kepada pesawah mengenai perkara-perkara berikut :



- i. Tempoh Pendaftaran;
- ii. Tempat Pendaftaran;
- iii. Dokumen-dokumen yang diperlukan seperti :
  - Kad Pengenalan;
  - Geran Tanah/Bil Hasil Tanah asal atau salinan yang disahkan; atau
  - Apa-apa dokumen yang boleh menyokong permohonan (asal dan salinan yang telah disahkan), wajib bagi negeri Sabah dan Sarawak.

## **7.2 Pengesahan dan Sokongan oleh JKJK/JKJK(P)/Ketua PPM**

7.2.1 Merujuk kepada Pekeliling Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) bil. 2/2009 bertarikh 28 April 2009 mengenai Penyaluran Bantuan dan Pemilihan Peserta bagi Projek-Projek Pembangunan MoA, bagi pendaftaran pesawah yang telah diluluskan terdahulu, ianya hendaklah disokong dan disahkan semula oleh Pengerusi JKJK/JKJK (P)/Ketua PPM dengan menggunakan format seperti di **lampiran 1 (a)** manakala bagi pendaftaran baru hendaklah menggunakan borang SBPKP/IPP/IPKP/IPB (1) yang dipinda.

7.2.2 Setelah disahkan dan disokong oleh JKJK/JKJK(P)/Ketua PPM, borang-borang **SBPKP/IPKP/IIP-1** ini hendaklah dikembalikan kepada pusat pendaftaran (PPK) untuk diproses oleh pihak urusetia Pendaftaran sebelum diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis. Jawatankuasa ini akan membuat penapisan, perakuan dan kelulusan pengusaha tanaman padi yang layak menerima bantuan berserta jumlah bekalan bahan input yang akan diberikan.

## **7.3 Jawatankuasa Penapis**

- 7.3.1 Jawatankuasa Penapis Peringkat PPK adalah terdiri daripada :
- Pengarah LPP Negeri/ Jabatan Pertanian Sarawak/Pengurus Besar MADA/KADA/Wakil - Pengerusi
  - Pegawai Daerah/Wakil

- Pengerusi PPK/AJP
- Pegawai Pertanian
- Pengurus Besar PPK atau Pengurus Bahagian PPK – Setiausaha Mesyuarat

7.3.2 Ahli Jawatankuasa Penapis akan dilantik secara rasmi oleh pihak LPP Negeri/Jabatan Pertanian Sarawak/MADA/KADA bagi membolehkan ia menjalankan tugas. Penentuan jadual, tarikh dan tempat mesyuarat akan ditetapkan oleh pihak pengurusan PPK.

7.3.3 Tugas dan tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Penapis adalah seperti berikut :

- Membuat tapisan ke atas semua permohonan yang diterima melalui Borang Pendaftaran **SBPKP/IPKP/IIP(1)** yang telah dilengkapi sepenuhnya;
- Melantik Pegawai Pemeriksa di kalangan Pengurus Bahagian PPK dan Pembantu Pertanian;
- Jawatankuasa berhak menolak mana-mana permohonan yang tidak memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan, atau mengetahui maklumat yang diberikan adalah tidak benar;
- Jawatankuasa berhak meminta PPK atau Pegawai Pemeriksa membuat semakan semula bagi pihaknya ke atas permohonan yang menimbulkan keraguan sebelum dipertimbangkan semula;
- Membuat pengesahan ke atas borang **SBPKP2** yang diluluskan seperti yang disenaraikan (**Lampiran 3**);
- Jawatankuasa Penapis adalah bertanggungjawab di atas setiap keputusan yang dibuat olehnya;
- Jawatankuasa Penapis bertanggungjawab untuk membuat pengesahan semakan pendaftaran setiap musim penanaman; dan
- Jawatankuasa Penapis berhak menahan pemberian input

kepada pengusaha yang terlibat dalam penyelewengan input Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK.

#### **7.4 Pegawai Pemeriksa**

Pegawai Pemeriksa hendaklah dilantik dari kalangan Pengurus Bahagian PPK atau Pembantu Pertanian di peringkat daerah. Tugas dan tanggungjawab Pegawai Pemeriksa adalah seperti berikut :

- 7.4.1 Bertanggungjawab membuat lawatan pemeriksaan ke atas lot-lot tanah yang dikemukakan oleh pesawah di dalam borang **SBPKP/IPKP/IIP (1)** untuk pendaftaran baru dan semakan semula pendaftaran;
- 7.4.2 Mengemukakan hasil siasatan kepada Jawatankuasa Penapis untuk keputusan muktamad bagi kes-kes yang meragukan;
- 7.4.3 Menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan teliti, amanah dan tiada unsur pilih kasih terhadap pemohon semasa membuat lawatan pemeriksaan; dan
- 7.4.5 Bertanggungjawab di atas keputusan lawatan yang dibuat olehnya.

#### **7.5 Daftar Pesawah**

- 7.5.1 Daftar pesawah yang telah diluluskan hendaklah disenaraikan di dalam borang **SBPKP2** mengikut kawasan pengendalian dan daerah;
- 7.5.2 Senarai nama pesawah yang layak menerima bantuan baja hendaklah disediakan sebanyak dua (2) salinan untuk diedarkan atau dipamerkan di tempat-tempat berikut :

- Pejabat PPK; dan
- Pejabat LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak.


7.5.3 Senarai nama pesawah yang diluluskan permohonan hendaklah diringkaskan dengan menggunakan borang **Ringkasan Maklumat Peladang SBPKP3 (Lampiran 4)**.

7.5.4 Bagi permohonan yang gagal atau ditolak, semakan semula borang permohonan hendaklah dibuat.

7.5.5 Setiap permohonan baru atau kemaskini oleh pesawah hendaklah melalui proses yang sama.

7.5.6 Carta aliran pendaftaran pesawah adalah seperti di **Rajah 4**.

**RAJAH 4 : CARTA ALIRAN PENDAFTARAN PESAWAH**



## 8. KEPERLUAN BAJA

### 8.1 Anggaran Keperluan Baja

8.1.1 Anggaran keperluan baja oleh setiap PPK perlu dibuat untuk setiap tahun mengikut musim, berpandukan sifir **Perkiraan Kadar Pemberian Baja (Lampiran 6)** yang telah disediakan oleh MoA, di samping borang **SBPKP2** dan **SBPKP3**.

8.1.2 PPK perlu mengemukakan keperluan tersebut ke LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak **sebelum 15 November** setiap tahun.

8.1.3 LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah mengemukakan rumusan setiap PPK ke LPP Ibu Pejabat **sebelum 30 November**, yang kemudiannya akan dikemukakan kepada MoA **sebelum 15 Disember**. Bagi Jabatan Pertanian Sarawak rumusan ini hendaklah dikemukakan terus kepada MoA dan salinan kepada LPP Ibu Pejabat.

8.1.4 Anggaran keperluan baja ini akan digunakan sebagai asas pembekalan baja kepada PPK dan seterusnya kepada pesawah bagi tahun berkenaan (**Lampiran 7**).

### 8.2 Pesanan Baja

8.2.1 PPK sebagai stokis, hendaklah membuat pesanan bekalan baja kepada NAFAS/Pembekal dengan menggunakan **Borang Pesanan Stokis SBPKP7 (Lampiran 8)** sebanyak 4 salinan setiap satunya untuk edaran kepada NAFAS/Pembekal (2 salinan), PPK dan LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak. Pesanan baja oleh PPK kepada NAFAS/Pembekal hendaklah berpandukan kepada Senarai Pendaftaran Pesawah

Yang Diluluskan (SBPKP2), Ringkasan Maklumat Peladang-Peladang Didaftarkan (SBPKP3) dan baki baja sebagaimana terdapat di dalam buku stok. NAFAS/Pembekal hendaklah menyediakan dan membuat penghantaran baja kepada PPK yang dimaksudkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keperluan baja seperti yang dinyatakan dalam borang pesanan.

8.2.2 Borang Pesanan mestilah mengandungi maklumat-maklumat berikut :

- Nombor siri borang pesanan;
- Nama PPK yang membuat pesanan;
- Jenis baja dipesan;
- Kuantiti pesanan;
- Tarikh pesanan dibuat; dan
- Tarikh baja diperlukan di stokis.

8.2.3 Pihak NAFAS/Pembekal sebagai pembekal baja, hendaklah menghubungi PPK untuk mengesahkan tarikh penghantaran mengikut jadual.

### **8.3 Penjadualan Semula**

8.3.1 Terdapat kes di mana PPK terpaksa menangguhkan terimaan baja yang dipesan. Antara sebab-sebab penangguhan adalah :

- Stor tidak dapat menampung bekalan baja yang akan diterima disebabkan baja yang sedia ada, masih belum selesai di buat pengedaran; dan
- Terdapat penangguhan di dalam Jadual Tanaman Padi.

8.3.2 Setiap PPK yang ingin membuat penangguhan perlu mengemukakan notis pengangguhan kepada NAFAS/Pembekal secara bertulis dengan menyatakan rujukan Borang Pesanan Stokis SBPKP7, kuantiti yang ditangguh dan bila baja perlu

dihantar semula ke PPK. Mengikut amalan PPK, sebelum notis bertulis dikeluarkan, pegawai yang bertanggungjawab di PPK akan terlebih dahulu membuat penangguhan.

#### **8.4 Pembatalan Pesanan**

Terdapat juga kes di mana PPK membatalkan pesanan yang dibuat kepada NAFAS atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti berlakunya banjir, menyebabkan tanah sawah tidak dapat diusahakan pada musim tersebut. PPK hendaklah memaklumkan kepada NAFAS **SECARA BERTULIS**.

### **9. TERIMAAN BAJA**

#### **9.1 Penerimaan Baja**

9.1.1 Setiap permohonan baja yang dibuat melalui Borang Pesanan Stokis **SBPKP7**, akan diterima oleh PPK sebelum atau pada tarikh yang diperlukan, sebagaimana tercatat di dalam borang pesanan berkenaan. Setiap pesanan baja oleh PPK diterima secara berperingkat mengikut kapasiti stor PPK.

9.1.2 PPK akan dimaklumkan terlebih dahulu oleh pihak pembekal masa ketibaan lori pembekal. Ini membolehkan PPK membuat persediaan menerima baja-baja berkenaan. Lori yang sampai ke PPK akan terus masuk sehingga ke depan pintu stor sebelum kerja-kerja pemunggahan dilakukan dengan menggunakan tenaga buruh. Terdapat juga PPK yang menggunakan *folk lift* untuk menurunkan baja daripada lori masuk ke stor.



- 9.1.3 Pembekal bertanggungjawab menguruskan penghantaran baja sehingga ke pintu utama stor PPK dengan penyeliaan oleh Pengurus Bahagian atau Penyelenggara Stor PPK.
- 9.1.4 Penyeliaan kerja-kerja pemunggahan dipertanggungjawabkan kepada Pengurus Bahagian atau Penyelenggara Stor PPK sehingga selesai. Pemandu lori akan mengemukakan nota hantaran pembekal kepada pegawai yang menyelia untuk mengesahkan penerimaan baja adalah mencukupi dan memenuhi spesifikasi.
- 9.1.5 Apabila baja diterima ia hendaklah diperiksa dan dipastikan jenis, kuantiti dan kualiti beg baja supaya berada dalam keadaan baik dan mengikut pesanan yang telah dibuat. Pembekalan baja yang tidak mengikut pesanan hendaklah ditolak.
- 9.1.6 Wakil pembekal perlu mengemukakan invois pembekal kepada pegawai yang menyelia untuk mengesahkan baja yang diterima adalah seperti di dalam borang pesanan dan memenuhi spesifikasi.
- 9.1.7 Hanya pegawai yang terdiri dari Pengurus Besar PPK, Pengurus Bahagian, Penyelenggara Stor atau pegawai yang dilantik sahaja, dibenarkan untuk menandatangani nota hantaran dari pembekal (NAFAS) sebagai pengesahan penerimaan baja.

## **9.2 Penyimpanan Baja**

- 9.2.1 Hendaklah memastikan bahawa stor baja berada dalam keadaan baik dan bersedia menerima baja. Input hendaklah disusun secara teratur dan sistematik bagi memudahkan proses persampelan dan pengedaran dilaksanakan.

- 9.2.1 Setiap PPK digalakkan menyediakan stor yang mempunyai lebih dari satu pintu bagi membolehkan sistem pengurusan stok secara masuk dulu keluar dulu **FIFO** (First-In-First-Out) diamalkan.
- 9.2.2 Setiap PPK digalakkan untuk menyediakan kemudahan stor yang baik (termasuk memastikan pengedaran udara yang sempurna) bagi menjamin kualiti baja dapat dikekalkan.
- 9.2.3 Baja tambahan NPK pada akhir musim hendaklah disusun di atas pelet dengan susunan 2 x 3 x 10 menjadikan jumlahnya 50 beg.
- 9.2.4 PPK hendaklah memastikan bahawa stor baja berada dalam keadaan baik, selamat dan bersedia menerima baja. Sistem pengurusan stor hendaklah dilaksanakan berdasarkan kesesuaian stor di PPK berkenaan. Stok baja yang boleh disimpan di stor PPK pada sesuatu masa selepas selesai musim sawah adalah tidak melebihi 5% daripada jumlah keperluan semusim (tertakluk kepada perubahan jadual tanaman padi, bencana alam dan sebab-sebab yang munasabah).

### **9.3 Timbangan Berat Baja**

- 9.3.1 PPK hendaklah membuat timbangan berat baja yang diterima secara rawak untuk memastikan setiap beg menepati spesifikasi berat sebelum disusun di dalam stor dan direkodkan. Bilangan beg yang perlu disampel untuk timbangan berat adalah seperti dalam jadual berikut :

## PERSAMPELAN INPUT UNTUK TIMBANGAN BERAT

Saiz Lot (Bil Beg)	Saiz Sampel (Bil Beg)	Cara Persampelan
1-3	Semua	)
4-15	3	)
16-50	10	)
51-150	15	) Rawak
151-500	25	)
501-2000	35	)
2001 ke atas	Ulang Semula	)

9.3.2 Timbangan berat hendaklah direkodkan dalam **Borang Timbangan Berat** seperti dalam **Lampiran 9**. Sebarang kekurangan timbangan hendaklah dimaklumkan kepada pembekal dan LPP Negeri atau Jabatan Pertanian Sarawak, yang mana berkaitan.

9.3.3 Bagi setiap konsainan, sekiranya purata berat bagi timbangan persampelan yang diambil tidak menepati spesifikasi melebihi 5%, denda akan dikenakan mengikut peratusan kekurangan tersebut (*untuk pertimbangan dalam kontrak perjanjian*).

### 9.4 Kawalan Kualiti Baja

9.4.1 NAFAS sebagai pembekal hendaklah memaklumkan dengan segera melalui e-mail atau faksimile kepada Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah), Jabatan Sarawak (Bahagian/Daerah) dan Jabatan Pertanian Sabah sebaik sahaja penghantaran dilaksanakan kepada PPK. Maklumat yang perlu disertakan hendaklah mengandungi butir-butir termasuk tarikh, nombor hantaran, nombor siri pengeluaran (batch number) nama PPK dan kuantiti

baja.

9.4.2 PPK berkenaan hendaklah memaklumkan kepada pihak-pihak berikut dengan segera sebaik sahaja baja diterima supaya persampelan kualiti baja dapat dibuat :

- (a) Jabatan Pertanian Semenanjung (Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah negeri berkenaan);
- (b) Jabatan Pertanian Sarawak (Jabatan Pertanian Bahagian/Daerah); dan
- (c) Jabatan Pertanian Sabah.

9.4.3 Persampelan baja di bawah seliaan MADA dan KADA akan dijalankan oleh pegawai-pegawai daripada agensi-agensi tersebut. Pegawai-pegawai yang terlibat akan dilatih oleh Jabatan Pertanian dan diberi sijil pertauliahkan bagi memastikan keseragaman prosedur persampelan.

9.4.4 Pegawai persampelan hendaklah merekod maklumat yang diperlukan dalam **Borang Kod HA (Lampiran 10)** bagi tujuan analisis. Borang ini hendaklah ditandatangani oleh Pengurus PPK/Wakil dan Pegawai Persampelan. Bagi negeri Sarawak borang ini akan ditandatangani oleh Penguasa Bahagian/Daerah Jabatan Pertanian Sarawak atau Wakil. Satu salinan Borang Kod HA yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dipanjangkan kepada PPK yang berkenaan untuk tujuan rekod.

9.4.5 Sampel yang diambil dibahagikan kepada tiga (3) bahagian di mana setiap bahagian akan digunakan untuk tujuan analisis, simpanan makmal dan rujukan pembekal (*cross-checking*). Pembekal hendaklah mengambil bahagian sampel *cross-checking* dalam tempoh sebulan. Jika sampel tersebut gagal diambil dalam

tempoh berkenaan, ianya akan dilupuskan.

9.4.6 Keputusan analisis hendaklah dihantar kepada MoA (Cawangan Kewangan dan IPB), LPP, MADA, KADA dan NAFAS. Pihak LPP, MADA dan KADA hendaklah memanjangkan laporan tersebut kepada PPK di bawah seliaan mereka. Bagi Negeri Sarawak, keputusan analisis akan dipanjangkan kepada PPK yang berkenaan oleh DoA Sarawak (Bahagian Institusi Peladang).

## **10. PENGEDARAN BAJA**

### **10.1 Semakan Senarai Pesawah**

10.1.1 Sebelum baja diedar, PPK perlu menyemak senarai semua pesawah yang berdaftar bagi sesuatu musim mengikut borang SBPKP2 sepertimana yang disahkan oleh Jawatankuasa Penapis dan Borang SBPKP3 sebagai pengesahan kelayakan penerimaan input. Hanya pesawah yang berdaftar dan diluluskan sahaja layak menerima baja Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK.

**Resit Penerimaan Baja (SBPKP5) (Lampiran 11)** sebanyak 4 salinan hendaklah disediakan untuk ditandatangani oleh pesawah sebagai akuan penerimaan baja Insentif Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK. Salinan pertama (asal) hendaklah diserahkan kepada pengusaha sawah padi, salinan kedua (merah jambu) kepada LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak untuk tuntutan bayaran perkhidmatan pengedaran baja, salinan ketiga (kuning) dan keempat (kelabu) untuk rekod simpanan PPK.

10.1.2 PPK hendaklah memaklumkan kepada Ketua Unit Peladang mengenai jadual pengedaran baja kepada setiap Unit Peladang. Ketua Unit Peladang hendaklah menghebahkan kepada pesawah-pesawah bagi memaklumkan mengenai pengedaran baja oleh PPK.

## **10.2 Pengangkutan Baja**

10.2.1 PPK hendaklah mengatur keperluan pengangkutan untuk mengedar baja kepada pesawah. Perancangan pengedaran dan jadual yang dibuat semasa perbincangan dengan Ketua Unit hendaklah dijadikan panduan. Ketua Unit biasanya akan bersama-sama dengan pengangkutan yang diuruskan olehnya, bagi memantau kerja-kerja mengedar baja, daripada stor sehinggalah kepada pesawah. Perkara-perkara seperti tarikh pengedaran, cara pengedaran (lori PPK atau pesawah sendiri), lokasi baja hendak di hantar, senarai bilangan beg baja untuk setiap pesawah, dan pengesahan penghantaran oleh pesawah perlu diberi perhatian.

## **10.3 Penerimaan Baja Oleh Pesawah**

10.3.1 PPK hendaklah memaklumkan kepada pesawah mengenai penghantaran baja kepada mereka. Walau bagaimanapun pesawah juga perlu menyemak dengan Ketua Unit masing-masing terutamanya tentang lokasi di mana baja tersebut perlu ditempatkan. Pesawah hendaklah memastikan baja yang dibekal, disemak bilangan dan keadaannya, sebelum disimpan di tempat yang selamat dan digunakan sepenuhnya di sawah masing-masing.

10.3.2 Pesawah hendaklah menandatangani **Resit Penerimaan Input (SBPKP5)** di ruangan yang disediakan sebagai akuan terimaan.

Pesawah hendaklah memaklumkan kepada Ketua Unit atau terus ke PPK masing-masing sekiranya terdapat apa-apa masalah tentang penerimaan baja.

#### **10.4 Rekod Pengedaran Baja**

PPK perlu merekodkan pengesahan penerimaan baja di dalam borang **Ringkasan Penerimaan Baja (SBPKP6A) (Lampiran 12)**. Dalam masa yang sama PPK juga perlu mengemaskini buku stok.

#### **10.5 Tuntutan Bayaran Perkhidmatan**

10.5.1 PPK di bawah penyeliaan LPP akan membuat tuntutan bayaran perkhidmatan kepada Ibu Pejabat LPP melalui LPP Negeri. Manakala PPK di bawah pengendalian KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah membuat tuntutan bayaran terus ke Ibu Pejabat masing-masing. Dokumen-dokumen berikut perlu dikemukakan sebagai sokongan :

- Resit penerimaan Baja (SBPKP5)
  - Ditandatangani oleh pengusaha sawah;
  - Disaksikan oleh Ketua Unit/Kakitangan PPK; dan
  - Pengesahan pengedaran oleh Pengurus Bahagian/Penyelenggara Stor.
  
- Borang Ringkasan Penerimaan Baja SBPKP6A
  - Nama peladang yang diluluskan/pemohon bekalan;
  - No. Kad Pengenalan pemohon;
  - No pendaftaran **SBPKP/IPKP/IIP (1)**;
  - Nama Penerima/pengusaha sawah;
  - No. Kad Pengenalan penerima;
  - Kuantiti baja NPK; dan
  - No. Resit SBPKP 5.

- Invois/Bil Tuntutan PPK
  - Jumlah besar baja yang telah diedarkan;
  - Nilai tuntutan; dan
  - Ditandatangani oleh Pengurus Besar.
  
- Sijil Perakuan Kesempurnaan Projek (**Lampiran 13**)
  - Perihal: Rujukan Fail, Nama PPK, Nama Projek, Tempat Unit Peladang, Peruntukan diluluskan;
  - Keterangan tuntutan: Jumlah terkumpul imbuhan/komisyen dituntut, jumlah yang telah dijelas, baki belum jelas, keterangan tuntutan mengikut jenis baja dan nilai, butir-butir / No.bil menyokong tuntutan; dan
  - Perakuan : Kenyataan bahawa kerja pengedaran telah dilakukan dan ditandatangani oleh Pengurus Besar.

\* *Surat iringan dengan menyatakan maklumat-maklumat tuntutan*

10.5.2 LPP Negeri hendaklah melengkapkan Borang ringkasan tuntutan PPK dan membuat perakuan pengesahan projek sebelum tuntutan bayaran perkhidmatan dikemukakan ke Ibu Pejabat LPP.

10.5.3 Manakala KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah melengkapkan Borang ringkasan tuntutan PPK dan membuat perakuan pengesahan projek sebelum tuntutan bayaran perkhidmatan dikemukakan ke MoA.

## 11. PELUPUSAN BAJA

11.1 Pengiraan stok baja Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK dibuat dua kali setahun iaitu selepas selesai musim sawah. Laporan stok dikemukakan kepada JPP Zon Insentif Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK tiga



kali setahun untuk tindakan selanjutnya. Stok baja yang boleh disimpan di stor PPK pada sesuatu masa selepas selesai musim sawah adalah tidak melebihi 5% daripada jumlah keperluan semusim.

- 11.2 Sekiranya terdapat baja yang rosak dan tidak boleh digunakan lagi, maka permohonan pelupusan akan dikemukakan. Cadangan pelupusan baja Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK oleh PPK dikemukakan kepada Lembaga Pemeriksa LPP Negeri dua kali setahun iaitu pada bulan Julai dan Januari tahun berikutnya. Pelupusan baja hendaklah selaras dengan Bahagian XIV - Pelupusan Barang-barang (Panduan 207 - 232) Panduan Perbendaharaan, Tatacara Pengurusan Stor dan para 5 - Kaedah Perlantikan dan Tugas-tugas Lembaga Pemeriksa, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1997, dan Garispanduan Pelupusan Aset dan Barang-Barang Kerajaan.
- 11.3 PPK akan memaklumkan kepada Lembaga Pemeriksa bilangan baja yang rosak dan tidak boleh digunakan lagi dan mengemukakan cadangan pelupusan. Lembaga Pemeriksa akan membuat lawatan ke PPK tersebut dalam tempoh **30 hari bekerja** (dari tarikh penerimaan permohonan pelupusan) untuk memastikan bilangan beg dicadangkan dan tahap kerosakan baja tersebut sebelum membuat perakuan pelupusan.
- 11.4 Setelah berpuashati, Lembaga Pemeriksa akan membuat permohonan pelupusan baja kepada MoA dalam tempoh **21 hari bekerja** melalui borang Kew.300-v (**Lampiran 15**). Kelulusan pelupusan baja diperolehi dalam tempoh **sebulan** selepas dikemukakan kepada MoA. PPK hendaklah melaksanakan kerja-kerja pelupusan baja dalam tempoh tiga bulan dari tarikh kelulusan diberi. Sijil Pelupusan Barang-Barang Lampiran X (Panduan 200, 217) – Kew X (**Lampiran 16**) dan Sijil Pegawai Menyaksikan Pelupusan (**Lampiran 17**) akan dikeluarkan oleh

Lembaga Pemeriksa untuk dikemukakan kepada MoA dan Jabatan Audit Negara Cawangan Pertanian.

## 12. KAWALAN DAN PENYELIAAN

12.1 PPK adalah bertanggungjawab kepada JPP Zon Insentif Pengeluaran Beras bagi sub-program baja tambahan NPK dan dikehendaki menyediakan beberapa laporan setiap kali mesyuarat diadakan iaitu tiga kali setahun. Laporan-laporan yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut (**Lampiran 18a, 18b, 18c, 18d dan 18e**):

- Input 1 - Laporan Baja Lewat Dibekalkan;
- Input 2 - Laporan Pengedaran Baja Mengikut Tarikh Tanaman Padi;
- Input 3 - Laporan Pelupusan Baja;
- Input 4 - Maklumat Pengedaran Baja; dan
- Input 5 - Maklumat Tuntutan dan Bayaran Perkhidmatan.

### 12.2 Input 1- Laporan Baja Lewat Di Bekalkan

- Laporan baja lewat dibekalkan bermaksud baja yang lewat dibekalkan oleh pembekal kepada stokis dari tarikh baja diperlukan dengan mengambil kira tempoh 30 hari masa untuk penghantaran yang diberikan kepada pihak pembekal;
- Tarikh pesanan di borang SBPKP7 hendaklah tidak lewat **30 hari** dari tarikh baja diperlukan oleh PPK;
- Tarikh perlu baja bermaksud adalah tarikh dimana baja dikehendaki sampai ke premis stokis;
- Tarikh terima adalah bermaksud tarikh dimana baja di terima oleh stokis;
- Denda lewat kepada pembekal pada kadar 2% bagi setiap bulan berdasarkan nilai input.

### 12.3 **Input 2 – Laporan Pengedaran Baja Mengikut Tarikh Tanaman Padi**

Laporan ini bertujuan untuk mendapat maklumbalas mengenai tarikh keperluan baja menepati tarikh tanaman padi. Oleh itu PPK perlu mengetahui tarikh akhir tanaman padi dan tarikh akhir baja perlu ditabur atau digunakan di sesuatu kawasan.

### 12.4 **Input 3 – Laporan Pelupusan Baja**

- PPK dikehendaki mengemukakan laporan permohonan pelupusan baja pada setiap akhir musim pengedaran baja selesai; dan
- Laporan permohonan pelupusan baja mengandungi maklumat mengenai jenis dan jumlah bilangan beg baja yang dipohon untuk pelupusan.

### 12.5 **Input 4 – Maklumat Pengedaran Baja**

- Laporan ini bertujuan untuk mengetahui jumlah bilangan petani yang menerima bantuan baja dan jumlah keluasan tanaman yang diusahakan. Disamping itu laporan ini juga melaporkan kedudukan status semasa baki stok awal musim dan pergerakan pesanan, penerimaan dan pengeluaran serta baki akhir stok semasa. PPK dikehendaki meningkatkan pengurusan stok dengan memastikan supaya baki stok akhir di setor mestilah tidak melebihi 5% dari jumlah keperluan semusim.

## 12.6 **Input 5 – Maklumat Tuntutan dan Bayaran Perkhidmatan**

- Laporan ini bertujuan untuk membolehkan pihak pengurusan LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak mengetahui maklumat tuntutan jumlah bayaran perkhidmatan yang dikemukakan oleh PPK dan juga kemajuan pembayaran oleh LPP Negeri; dan
- Proses tuntutan bayaran perkhidmatan hendaklah mengikut prosedur kewangan.

## 14. **PENUTUP**

Pelaksanaan Manual Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras (baja tambahan NPK) ini bagi memastikan bekalan beras negara yang stabil dan mencukupi selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara setelah mengambil kira perubahan-perubahan semasa. Walau bagaimanapun pemantapan dan penambahbaikan akan dibuat secara berterusan tertakluk kepada arahan-arahan dan perubahan dasar kerajaan.

### **Penggubalan Pertama :**

Cawangan Insentif Pertanian,  
Bahagian Perniagaantani,  
Lembaga Pertubuhan Peladang.  
20 September 2008

### **Pindaan Kedua :**

Merujuk Kepada Pekeliling Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) bil. 2/2009 bertarikh 28 April 2009

## **Glossary**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>DEFINISI</b>
1.	Musim 1	Aktiviti penanaman padi bermula dari bulan Januari hingga Jun
2.	Musim 2	Aktiviti penanaman padi bermula dari bulan Julai hingga Disember
3.	Sawah	Tanah yang bencah (digenangi air) tempat menanam padi, bendang
4.	Bersawah	Mempunyai sawah
5.	Menyawah	Bekerja menanam padi di sawah
6.	Pesawah	Orang yang kerjanya bersawah
7.	Stokis	Stokis adalah PPK yang dilantik untuk menyimpan dan mengedar baja SBPKP
8.	Pengusaha Tanaman Padi	Petani yang mengusahakan penanaman padi di atas tanah sendiri atau sewaan yang didaftarkan kepada PPK bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak

### **NOTA :**

**\*\*\*\*\* Semua Borang SBPKP hendaklah dicopkan 'Insentif Pengeluaran Beras (baja tambahan NPK)'.**